

13/09/2000

Caltex sedia patuhi cadangan naik harga

CALTEX Oil Malaysia Ltd (Caltex) bersedia melaksanakan arahan kerajaan sekiranya cadangan berhubung kenaikan harga minyak Petrol yang dicadangkan baru-baru ini dipersetujui.

Pengurus Besar, Pemasaran Runcit, Caltex Malaysia dan Singapura, Jeremy Oh Beng Chuan, berkata cadangan kerajaan itu adalah saksama bagi kerajaan kerana harga RM1.10 seliter sekarang ditetapkan sejak 10 tahun lalu.

Bagaimanapun kerajaan masih belum menetapkan jumlah kenaikan harga minyak itu "Kami sedang menunggu keputusan daripada kerajaan berhubung perkara itu tetapi bersedia melaksanakannya apabila kenaikan harga itu diumumkan," katanya dalam sidang akhbar selepas majlis pelancaran peta lokasi stesen minyak Caltex melalui teknologi Protokol Aplikasi Tanpa Wayar (WAP) di Kuala Lumpur, semalam.

Oh berkata, harga petrol, diesel dan LPG di Malaysia, kecuali Indonesia, adalah antara yang paling rendah di Asean.

Ketika ditanya mengenai cadangan menaikkan kadar komisen pengusaha stesen minyak yang kali terakhir dinaikkan pada 1994, beliau berkata, perkara itu sedang dibincangkan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

"Unsur formula atau komponen mekanisme mengenai struktur harga dan komisen sedang dibincangkan dan akan diputuskan oleh kerajaan," katanya.

Sebelum ini, pengusaha stesen minyak dan wakil Persatuan Saudagar-saudagar Minyak Malaysia (PDAM) mahu kadar komisen dinaikkan sebanyak empat sen.

Rayuan itu dibuat kerana kos menguruskan stesen minyak semakin meningkat menyebabkan pengusaha terbabit tidak memperoleh keuntungan setimpal.

Secara purata pengusaha stesen minyak memperolehi komisyen antara enam hingga 7.5 sen bagi setiap liter yang dijual.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini menyebut bahawa kerajaan sedang mengkaji dan mempertimbangkan sama ada harga petrol patut dinaikkan atau tidak.

Perdana Menteri dilaporkan berkata kerajaan tidak mungkin dapat lagi memberikan subsidi petrol, antaranya kerana kenaikan mendadak harga minyak mentah.

Kementerian Kewangan sedang menjalankan kajian mengenai perkara ini.

Sejak 1999, harga minyak mentah meningkat kepada AS\$30 (RM114) se tong. Namun, beberapa perubahan ke atas subsidi produk petroleum masih di awang-awangan.

Di Semenanjung Malaysia harga petrol tanpa plumbum (RON97) ialah 110.00 sen seliter dan 106.00 sen seliter bagi petrol tanpa plumbum (RON92) manakala Diesel berharga 65.10 seliter dan LPG 118.00 sen seliter.

Harga tanpa subsidi bagi petrol tanpa plumbum (RON97), petrol tanpa plumbum (RON92), diesel dan LPG masing-masing ialah 155.79 sen, 151.77 sen, 106.38 sen dan 183.82 sen seliter.

(END)